



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“TARIKH KEMASKINI MAKLUMAT PENDAPATAN PEMINJAM PTPTN DILANJUT SEHINGGA 31 JULAI 2018”

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) komited untuk melaksanakan manifesto Kerajaan bagi menanggungkan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang berpendapatan RM4,000 ke bawah sebulan.
2. Dalam sidang media yang telah diadakan pada 16 Julai 2018 yang lalu, saya telah memaklumkan bahawa semua peminjam yang patut membuat bayaran balik dan masih mempunyai baki hutang untuk mengemaskini maklumat pendapatan mereka melalui www.ptptn.gov.my selewat-lewatnya pada 25 Julai 2018 (Rabu).
3. Semenjak perkara tersebut diumumkan, saya ada menerima **cadangan dan rungutan daripada peminjam PTPTN**. Antara rungutan yang paling kerap diutarakan ialah tentang tempoh pengemaskinian yang pendek dan untuk mempelbagaikan kaedah bagi peminjam membuat semakan nombor pinjaman.
4. Saya mengambil maklum cadangan tersebut dan prihatin dengan permintaan peminjam PTPTN dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Untuk itu, beberapa perkara telah diambil perhatian oleh PTPTN bagi memastikan pelaksanaan pengemaskinian maklumat pendapatan dapat dilaksanakan oleh peminjam PTPTN dengan lebih mudah, tepat dan efisien.

(LANJUT SEHINGGA 31 JULAI 2018)

5. Sehubungan itu, **sukacita dimaklumkan bahawa tempoh pengemaskinian maklumat pendapatan** oleh peminjam PTPTN yang patut membuat bayaran balik dan masih mempunyai baki hutang secara atas talian melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my di ruangan “Pengemaskinian Maklumat Pendapatan” **dilanjutkan selama enam (6) hari iaitu sehingga 31 Julai 2018 (Selasa)**.
6. Selain maklumat pendapatan, peminjam juga perlu mengemaskini maklumat penting yang lain termasuk maklumat perhubungan terkini (alamat, nombor telefon serta alamat e-mel) dan maklumat pekerjaan.

7. Berdasarkan semakan ke atas maklumat yang telah dikemaskini terdapat maklumat yang meragukan dan akan dibuat semakan lanjut. Justeru itu, saya ingin **mengingatkan kepada para peminjam agar mengemaskini maklumat pendapatan yang sah dan benar, yang boleh dibuktikan dengan dokumen sokongan apabila diminta. Membekalkan maklumat yang tidak benar adalah SALAH dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.**
8. **Sekiranya peminjam tidak mengemaskini maklumat dalam tempoh yang ditetapkan, maka PTPTN akan menganggap bahawa mereka tidak berhasrat memohon penangguhan bayaran balik dan mereka tidak akan termasuk di dalam dasar baharu bayaran yang akan dibuat.**

(SEMAKAN NOMBOR PINJAMAN)

9. Peminjam PTPTN yang ingin **mendapatkan nombor pinjaman bagi tujuan pengemaskinian maklumat pendapatan boleh memperoleh nombor pinjaman masing-masing melalui:**
 - i) Talian **Careline** PTPTN di **03 – 2193 3000**. Peminjam dinasihatkan untuk membuat panggilan di **luar waktu puncak**;
 - ii) Aplikasi **whatsapp** ke talian rasmi pegawai yang tertera di portal rasmi PTPTN;
 - iii) **E-mel atau surat yang pernah dikemukakan oleh PTPTN** kepada peminjam seperti e-mel tunggakan, notis peringatan dan notis arahan bayaran balik;
 - iv) Talian **telefon atau hadir ke Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan** yang berdekatan;
 - v) **Pertanyaan melalui media baharu rasmi PTPTN dan negeri**; dan
 - vi) **Penyata Online** di portal rasmi PTPTN.
10. Akhir kata, saya menyeru kepada peminjam yang terlibat untuk mengambil peluang mengemaskini maklumat dengan pelanjutan tempoh yang diberikan ini. Layari **www.ptptn.gov.my** di ruangan **“Pengemaskinian Maklumat Pendapatan”** untuk mengemaskini maklumat pendapatan anda.

Wan Saiful Wan Jan
Pengerusi
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
25 Julai 2018